

Mengadaptasikan Gaya Pembelajaran Pelajar ESL: Satu Kajian Kes Pelajar Tahun Satu di UKM

Rosniah Mustaffa
rosniah@pkrisc.cc.ukm.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Kebanyakan pengajaran di peringkat tertinggi di Malaysia dijalankan secara kaedah visual dan auditori di mana pelajar banyak membaca serta menggunakan deria pendengaran untuk mendengar syarahan serta perbincangan dalam bilik darjah. Sebahagian besar fokus kajian kes ini tertumpu kepada persoalan samada pelajar kurang mahir tahun satu yang tidak dikecualikan dari mengambil kursus bahasa Inggeris paling asas dari program Sarjana Muda Sastera Pengajian Bahasa Inggeris (B.A ELS) di Universiti Kebangsaan Malaysia boleh mengadaptasi gaya pembelajaran mereka di luar mod keutamaan mereka dengan membuat latihan. Latihan yang diberikan adalah dalam bentuk mod visual dan auditori serta cara bekerja secara individu yang dijalankan oleh penyelidik selama lapan bulan. Alat untuk mengumpul data terdiri dari soal selidik gaya pembelajaran perseptual (Perceptual Learning Style Preference) olahan Reid (1984, dlm. Reid, 1995), penulisan jurnal, temubual separuh berstruktur dan pemerhatian. Antara dapatan kajian ini ialah: 1) kebanyakan pelajar terlibat mempunyai sekurang-kurangnya gaya kinaestetik dan, atau taktil sebagai gaya pembelajaran perseptual major mereka dan mereka memilih bekerja secara berkumpulan sebagai gaya pembelajaran sosiologi major; 2) selepas menjalani latihan, pelajar menunjukkan reaksi serupa iaitu mereka mendapati sukar untuk menyiapkan tugas visual atau auditori, mempunyai cara belajar yang sama dan menunjukkan reaksi negatif ke atas gaya pembelajaran yang tidak sepadan dengan gaya pembelajaran major sedia ada. Walau bagaimanapun mereka mendapati teknik baru pembelajaran auditori dan visual berkesan apabila diamalkan di dalam kelas. Namun, mereka kurang mengamalkan teknik-teknik pembelajaran yang baru tersebut kerana mendapati sukar mengadaptasikan sesuatu yang baru.

Kata kunci: gaya pembelajaran, auditori, visual, kinaestetik, taktil.

“Stretching” ESL Learners’ Learning Styles: A Case Study of First Year Undergraduates at UKM

Abstract

Most instructions at the tertiary level in Malaysia are given in an auditory and visual manner in which students have to listen to lectures, class discussions and presentations. The main focus of this case study was to discover whether less proficient students of Bachelor of Arts in English Language Studies (B.A ELS) at Universiti Kebangsaan Malaysia can “stretch” their learning styles outside their preferred modes namely the auditory and visual styles, and working individually over two semesters (eight months) of practice. The tools in collecting the data were Reid’s (1984, cited in Reid, 1995) perceptual learning style preference questionnaire, journal writing, semi-structured interviews and observations. The findings from this study were: 1) the majority of the students in this study had at least kinaesthetic and/or tactile as their major perceptual learning style and the majority of them had also chosen working in a group as their major learning style; 2) all the students had the same common reactions in terms of having difficulties in completing visual or auditory tasks, normal way of studying, and the abilities to make the new ways of visual and auditory techniques of learning work when introduced and practised in class. They also had the same negative reactions to incongruent styles.

Keywords: learning style, auditory, visual, kinaesthetic, tactile.

Pengenalan

Sebagai guru, kadang kala kita tertanya-tanya mengapa sesetengah pelajar kita mudah menerima apa yang kita ajari, dan mengapa yang lainnya tidak. Kita juga tertanya-tanya mengapa prestasi sebilangan pelajar tidak sebaik yang lain walaupun mereka mendapat input yang sama dari kita. Memahami gaya pembelajaran dan mengakui hakikat bahawa setiap pelajar mempunyai gaya tersendiri dalam mempelajari sesuatu boleh membantu kita memahami isu ini.

Ada guru yang jarang sekali mengakui dan memahami bahawa pelajar yang dapat belajar paling berkesan melalui kaedah mendengar biasanya akan bereaksi kurang yakin terhadap komen, soalan dan pembetulan di atas draf penulisannya, walaupun komen dan sebagainya itu relevan kerana maklumat sedemikian lebih sesuai bagi pelajar visual. Guru sedemikian tidak menyedari bahawa dalam kelas penulisan, kefahaman pelajar auditori lebih tinggi apabila diberi input dalam bentuk lisan berbanding dalam bentuk cetak (Kinsella, 1995).

Secara realistik, adalah mustahil bagi guru untuk menyesuaikan atau memadankan gaya pengajaran mereka dengan gaya pembelajaran individu kesemua pelajar. Justeru, pelajar harus belajar menyesuaikan gaya pembelajaran mereka dengan gaya pengajaran guru

sebab sebagaimana pelajar memasuki bilik kuliah dengan membawa berbagai gaya pembelajaran, begitu juga guru dengan membawa gaya pengajaran yang pelbagai.

Pernyataan Masalah

Adalah penting bagi pelajar menyesuaikan gaya pembelajaran mereka sebab di Malaysia, "teacher-talk" dan kuliah masih merupakan sebahagian besar dari pengajian sekolah dan universiti, dan bagi pelajar, mendengar dalam Bahasa Inggeris merupakan suatu cabaran. Menurut Horwood (1991), prestasi pelajar-pelajar Asia kurang baik apabila arahan diberi secara auditori. Kajian Hodges (1982) ke atas sekolah-sekolah menengah di Amerika pula mendapati 90% daripada pengajaran di kelas tradisional lebih berorientasikan cara auditori. Dunn, Dunn dan Price (1979) juga mengganggarkan kira-kira 90% daripada arahan di kelas dibuat menggunakan kaedah kuliah dan soal jawab (auditori).

Sehubungan dengan ini, O'Brien (1989) yang menilai seramai 6,000 orang penutur asli Bahasa Inggeris dan ESOL mendapati 80% daripada arahan dibuat secara auditori sedangkan sebenarnya, kurang dari 10% dari mereka mempunyai cara ini sebagai gaya pembelajaran terbaik mereka. Dalam satu kajian mengenai gaya pembelajaran dan pencapaian akademik oleh Heikinheimo dan Shute (1986), didapati salah satu daripada masalah berat yang dihadapi oleh pelajar Asia yang menuntut di sebuah Universiti di Kanada ialah memahami kuliah.

Oleh kerana kebanyakan arahan pengajaran pada tahap tertiar di Malaysia diberi dalam bentuk auditori, biasanya melalui kuliah dan perbincangan, maka pelajar-pelajar yang mempunyai auditori sebagai modaliti pembelajaran terbaik akan mendapat manfaat yang lebih dengan pengajaran secara ini berbanding dengan mereka yang mempunyai kekuatan modaliti berbeza. Ini adalah kerana kedua-dua gaya pengajaran dan gaya pembelajaran berpadanan. Pelbagai kajian menunjukkan apabila pelajar diajar menggunakan gaya pengajaran yang berpadanan dengan cara atau gaya mereka belajar, maka mereka mendapat markah lebih tinggi dalam peperiksaan dan mendapat lebih pengetahuan fakta, berbanding mereka yang diajar dengan cara yang berlawanan gaya mereka.

Dari segi gaya pembelajaran sosiologi pula pengalaman mengajar penyelidik menunjukkan kebanyakan pelajar pra-siswazah di UKM lebih menggemari gaya belajar secara kumpulan kerana mereka boleh berbincang sesama sendiri. Namun mereka perlu belajar mengadaptasikan gaya pembelajaran secara individu kerana terdapat banyak tugasan yang perlu dibuat secara perseorangan ketika berada di universiti.

Tujuan Kajian

Kajian dibuat bertujuan untuk mengetahui keutamaan gaya pembelajaran major dan minor pelajar-pelajar kurang cekap tahun pertama Sarjana muda Sastera dalam bidang pengajian Bahasa Inggeris (B.A ELS) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Ia juga bertujuan untuk mengetahui sama ada empat orang pelajar fokus terpilih, boleh menyesuaikan gaya pembelajaran mereka dengan gaya lain yang bukan merupakan gaya

keutamaan mereka, iaitu gaya auditori dan visual dan bekerja secara sendirian dalam kajian kes yang memakan masa selama lapan bulan.

Kepentingan Kajian

Kebanyakan pendidik telah menegaskan perlunya melaksanakan lebih banyak lagi kajian mengenai gaya pembelajaran. Mereka ini termasuklah Dunn dan Dunn (1978) yang menyebut antara bidang yang boleh dikaji ialah sama ada gaya pembelajaran seseorang individu berubah mengikut cara ianya diajar atau sama ada gaya pembelajaran kekal bagi seseorang individu. Claxton dan Murrell (1987) juga menyarankan bahawa adalah penting untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan dalam keberksanan pembelajaran pelajar sekiranya cara guru mengajar bertentangan dengan gaya pembelajaran pelajar; dan fokus harus diberi untuk membantu pelajar membuat strategi agar dapat mengikuti pengajaran yang diajar dengan cara yang bertentangan dengan gaya pembelajaran utama mereka.

Oleh itu, adalah penting bagi satu kajian dibuat untuk meninjau sejauh mana gaya pembelajaran pelajar kurang cekap berbahasa Inggeris dari program B.A ELS berubah mengikut cara mereka diajar atau sama ada ianya kekal bagi individu. Sekiranya pelajar boleh menyesuaikan diri dengan gaya lain yang mereka tidak biasa, iaitu auditori dan visual, fakulti dan sekolah boleh menggunakan pendekatan latihan yang telah diberikan. Ini mungkin dapat membantu pelajar seperti mereka menyesuaikan diri mereka dengan gaya ini supaya mereka dapat mengingat maklumat baru yang diajar di peringkat tertiar; yang biasanya berorientasikan kaedah auditori dan visual.

Ulasan Kajian Berkaitan

Menurut Reid (1998), Vicioso, seorang guru telah mengedarkan soal selidik Gaya Pembelajaran Persepsi (PLSP) dalam Bahasa Inggeris ke atas 193 orang pelajar sekolah menengah di negara Sepanyol mendapati bahawa gaya pembelajaran utama kebanyakan pelajar ini adalah gaya pembelajaran kinaestetik. Selain itu, menurut Reid (1998) lagi, Korotkikh pula mengedarkan PLSP di Siberia ke atas 193 orang pelajar, yang kebanyakan berusia di antara 20-23 tahun dan mempunyai pengalaman mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa asing (EFL) selama 10 hingga 15 tahun. Keputusan menunjukkan 50 hingga 60 peratus daripada mereka mempunyai gaya taktil dan kinaestetik sebagai gaya pembelajaran utama mereka.

Pada tahun 1987, Reid melakukan kajian ke atas 1,234 pelajar ESL yang melengkapkan tinjauan kajian. Keutamaan gaya pembelajaran persepsi (PLSP) dalam program Bahasa Inggeris intensif di seluruh Amerika Syarikat. Para pelajar ini datang dari berbagai negara, mengkhusus pelbagai bidang dan datang dari pelbagai latar belakang. Dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar ESL yang mempelajari Bahasa Inggeris di Amerika Syarikat menunjukkan kecenderungan kepada gaya pembelajaran kinaestetik dan taktil berbanding gaya pembelajaran lain.

Reid (1998) juga melaporkan bahawa pada tahun 1992, Gedeon menjalankan PLSP keatas 138 orang penuntut universiti di Budapest, Hungary. Didapati keutamaan gaya pembelajaran utama mereka juga ialah taktil dan kinaestetik. Berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan, apa yang boleh diandaikan ialah keutamaan gaya pembelajaran auditori perlu dikembangkan oleh pelajar, terutama sekali apabila mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing.

Secara ringkasnya, gaya pembelajaran persepsual ialah

- Auditori. Pelajar auditori ialah mereka yang gemar belajar secara mendengar contohnya mendengar syarahan, perbincangan, rakaman dan sebagainya yang melibatkan deria pendengaran.
- Visual. Pelajar visual iaitu mereka yang gemar belajar dengan melihat maklumat baru yang dipelajari itu samada dalam bentuk gambarajah atau tulisan. Mereka juga boleh menggambarkan apa yang dibaca atau dilihat sebelumnya.
- Taktil. Pelajar taktil ialah mereka yang perlu menggunakan pergerakan tangan apabila belajar seperti mengaris atau mengambil nota apabila mendengar terutamanya mereka yang kurang mahir dalam pembelajaran secara auditori.
- Kinaestetik. Pelajar kinaestetik ialah mereka yang perlu menggunakan keseluruhan pergerakan badan serta melalui sendiri sesuatu pengalaman untuk mengingat apa yang dipelajari. Ini termasuk berlakun dan membina sesuatu model.

Gaya pembelajaran sosiologi pula ialah

- Belajar secara berkumpulan. Pelajar sedemikian lebih senang belajar dengan sekurang kurangnya seorang pelajar yang lain dan lebih berjaya menyiapkan tugas yang diberi apabila bekerja dalam kumpulan.
- Belajar secara sendirian. Pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran sosiologi begini lebih gemar belajar secara sendirian. Mereka berfikir dan mengingat fakta lebih baik apabila belajar secara sendirian.

Teori Fleksibiliti Kognitif

Teori fleksibiliti kognitif memfokus ke atas sifat pembelajaran di dalam domain kompleks dan tidak berstruktur. Apa yang dimaksudkan dengan fleksibiliti kognitif ialah kebolehan untuk menstruktur semula dengan spontan ilmu seseorang, dengan berbagai cara, dalam respon adaptif kepada keperluan situasi yang berubah. Fleksibiliti kognitif kadang kala dimasukkan ke dalam konstruk lebih am iaitu artikulasi lapangan. Artikulasi lapangan merupakan komposit kawalan kekang/fleksibel dan kawalan bergantung/tak bergantung kepada lapangan. Menurut teori ini, seseorang yang kekang/bergantung cenderung untuk mengatur dan menyusun ketidaksesuaian yang terdapat dalam maklumat mengikut garisan paling mudah, dengan bereaksi hanya kepada elemen tidak sesuai yang paling nyata dan biasanya tidak mengendahkan elemen-elemen lain. Dalam hal penyelesaian masalah, orang yang bergantung kepada lapangan mempunyai masalah

untuk menyusun semula serta tidak mampu untuk menggunakan maklumat dengan cara baru.

Saracho (1984) mendapati subjek kekang lebih resistan kepada modifikasi gaya kognitif berbanding subjek fleksibel. Seseorang yang fleksibel/tidak bergantung pula mampu mengartikulasikan ketidaksesuaian dengan memberikan perhatian kepada bidang yang telah ditentukan oleh arahan. Guilford (1984) menganggap orang yang tidak bergantung kepada lapangan sebagai lambang fleksibiliti, iaitu mereka sentiasa bersedia untuk membuat perubahan dalam maklumat dan berkebolehan untuk mempengaruhi transformasi. Menurut Saracho (1984), pelajar yang fleksibel lebih bersedia menggunakan pelbagai teknik dan mereka juga lebih tajam daya pemerhatian untuk melihat sama ada sesuatu strategi itu berkesan atau tidak.

Gaya kognitif memainkan peranan berbeza-beza dalam menentukan cara seseorang berinteraksi dengan sekitarnya. Seseorang individu mungkin lebih cenderung kepada memproses maklumat dengan cara melihat, melalui penggunaan grafik, gambar rajah atau ilustrasi, sementara yang lain mungkin lebih suka memproses maklumat dengan menggunakan perkataan, melalui bacaan atau ilustrasi (Kirby, Moore dan Schofield, 1988). Di Vesta, Ingersol dan Sunshine (1971) menyarankan bahawa pelajar visual mempunyai kekuatan ciri gambaran dan mampu menyimpan sesuatu dalam ingatan, memutar, membentang dan mentransformasikannya. Kirby dan rakan-rakan (1988) menyatakan bahawa visualiser lebih mempunyai ciri bergantung kepada lapangan, sementara verbaliser lebih kepada tidak bergantung kepada lapangan.

Persekitaran pengajaran yang menguntungkan pelajar yang bergantung kepada lapangan dan memberi cabaran kepada mereka termasuk yang berikut: menyediakan galakkan berstruktur lengkap dengan petunjuk penting; menyediakan arahan jelas, eksplisit dan panduan maksima; menyediakan maklum balas yang meluas; menyampaikan pendahuluan verbal dan lisan; menyediakan contoh prototipikal, menyediakan kepada pelajar bantuan arahan (dengan memberi contoh, item latihan, sumber); menyediakan petanda dalam bentuk grafik, lisan atau auditori dan menyediakan urutan arahan prosedur. Guru boleh menyediakan situasi berikut untuk memulihkan atau mengimbangi kekurangan pelajar yang bergantung kepada lapangan. Penggunaan bahan berstruktur yang baik dan terancang/tersusun; model struktur bidang khusus; galakan kepada murid untuk menyontohi modul dalam bidang berkaitan; penjelasan mengenai isi dan menyediakan contoh berpadanan.

Populasi Sampel

Kajian ini melibatkan sekumpulan pelajar kurang cekap tahun pertama Sarjana muda Sastera dalam pengajian Bahasa Inggeris (B.A ELS) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Mereka telah mendapat keputusan kurang memuaskan dalam peperiksaan kecekapan Bahasa Inggeris yang perlu diambil sebelum memasuki program berkenaan. Ujian berkenaan menilai keupayaan pelajar dari segi penulisan dan pembacaan. Pelajar diukur berdasarkan 6 tahap. Pelajar yang di kategorikan kurang cekap ini berada pada tahap 3 yang bermaksud mereka adalah sederhana dari segi penguasaan Bahasa Inggeris tetapi

masih terdapat banyak kesilapan dalam penggunaan bahasa yang amat ketara dalam pemulisan dan pembacaan mereka. Mereka juga adalah pelajar yang mempunyai C4, C5 dan C6 dalam kertas bahasa Inggeris bagi ujian Sijil Pelajaran Malaysia. Dalam kumpulan asal ini terdapat 16 pelajar dan untuk kumpulan focus, hanya 4 pelajar yang dipilih untuk dianalisa data mereka. Kriteria pemilihan empat pelajar ini adalah pelajar mesti mempunyai salah satu kombinasi gaya pembelajaran berikut: a) kinaestetik dan bekerja dalam kumpulan, b) taktil dan bekerja dalam kumpulan, c) auditori atau visual dan d) kesemua kombinasi gaya pembelajaran. Ini adalah untuk mempelbagaikan gaya pembelajaran pelajar fokus yang dipilih

Alatan Kajian

Bagi tujuan kajian, soal selidik PLSP, penulisan jurnal, temu-bual dan pemerhatian digunakan untuk mengumpul data. Soal selidik PLSP dianalisis menggunakan cara kuantitatif yang ringkas sementara data lain yang didapati daripada sumber lain dianalisis secara kualitatif

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian kes. Pada awal kajian kes, soal selidik Gaya Pembelajaran Perseptual (PLSP) (lihat Lampiran 1) diberi kepada seluruh populasi sampel. Tujuannya ialah untuk mengenal pasti keutamaan gaya pembelajaran major dan minor kumpulan yang kurang cekap ini. Empat orang pelajar fokus masing-masing dengan gaya pembelajaran berbeza dipilih daripada kumpulan ini untuk mempelajari pelajaran tatabahasa Inggeris dengan menggunakan gaya pengajaran visual, auditori dan individu. Ini adalah sebab inti pati kajian ini ialah untuk melihat samada pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza daripada gaya pengajaran pensyarah dapat menyesuaikan diri untuk belajar dengan situasi pengajaran sedia ada dalam kelas. Bagi kajian kes ini, latihan dijalankan selama dua jam seminggu selama dua semester. Bentuk latihan yang diberikan lebih berfokus pada latihan menggunakan mod auditori, visual dan bekerja secara individu pada semua 16 pelajar setiap kali kelas diadakan. Bagaimanapun hanya data empat pelajar fokus sahaja dianalisa. Guru-pengkaji telah memilih untuk menumpukan kepada tatabahasa Inggeris memandangkan mereka memerlukan bantuan dalam bidang ini supaya dapat mengikuti kursus TESL, serta Kesusasteraan dan Linguistik yang ditawarkan di bawah program ini. Vann dan Abraham (1990) menyarankan bahawa cara paling baik untuk meluaskan gaya pembelajaran seseorang ialah dengan menggunakan secara sedar strategi pembelajaran yang tidak sepadan dengan gaya pembelajaran seseorang tetapi terbaik bagi tugas yang diberi. Justeru, bagi tujuan kajian ini, mod yang ditekankan semasa pengajaran dan latihan pelajaran asas tatabahasa Inggeris ialah mod auditori dan visual yang merupakan kemahiran utama diperlukan untuk pelajaran bahasa terutama sekali di peringkat tertiar.

Selama lapan bulan, pelajar-pelajar berkenaan melalui latihan mengadaptasi dan menyesuaikan diri kepada gaya pembelajaran auditori dan visual. Apabila arahan diberi secara visual, mereka disediakan dengan strategi gaya pembelajaran yang boleh

membantu mereka mengembangkan gaya pembelajaran visual seperti yang dicadangkan oleh Kinsella (1993) di bawah: Di akhir kajian, PLSP sekali lagi diberi kepada pelajar bagi melihat sama ada terdapat anjakan dari segi pemilihan keutamaan gaya pembelajaran mereka.

Strategi pembelajaran visual:

- melukis gambar, lakaran, carta, graf atau konsep.
- Menggunakan warna yang terang untuk menggaris fakta penting yang disampaikan dalam kuliah serta pada bahan bacaan.
- Membuat gambaran tentang apa yang dibaca atau didengar dalam kuliah untuk mengekalkan fakta.
- Membuat ringkasan fakta penting yang dibaca dalam bentuk carta atau pemetaan.
- Meminta guru memberi contoh untuk membantu membuat bayangan bagi memahami dan mengingat fakta baru.
- Menulis penerangan dan konsep dalam bentuk symbol.

Strategi pembelajaran auditori:

- Mengambil bahagian dalam perbincangan dan perdebatan.
- Membuat ucapan dan perbentangan
- Menggunakan pita rakaman untuk merakam bahan kuliah daripada mengambil nota.
- Membaca secara kuat.
- Merakam fakta fakta yang ingin dipelajari dan mendengarnya ketika di dalam kereta, ketika membuat kerja rumah dan juga sebelum tidur.
- Mengajar seseorang apa yang telah dipelajari.
- Membuat ringkasan fakta yang ingin diingati dan membacanya secara kuat atau membacanya pada seseorang.
- Membuat “flashcards” untuk mempelajari perkataan baru.
- Cuba menyelesaikan sesuatu masalah secara lisan sebelum menulisnya di atas kertas.
- Meminta guru memberi penerangan secara lisan untuk gambar rajah, carta atau graf.
- Meminta guru membaca arahan peperiksaan atau tugas secara lisan.
- Mencari sahabat untuk membincang dan membuat persediaan untuk ujian.
- Mencipta muzik atau “mnemonics” bagi membantu mengingat fakta penting.
- Membincangkan idea secara lisan
- Menggunakan analogi atau cerita dalam memberikan penerangan.

Data penulisan jurnal temu bual dan pemerhatian dijalankan sepanjang kajian dijalankan. Untuk penulisan jurnal, pelajar diminta menulis bagaimana mereka selalunya belajar, kenapa mereka suka cara tersebut, bagaimana mereka harap cara pensyarah menyampaikan maklumat baru dan segala yang berkaitan dengan gaya pengajaran dan perasaan mereka terhadap cara tersebut. Ini dilakukan selepas pengajaran mod secara auditori dan visual serta cara belajar berkumpulan atau secara individu dijalankan iaitu seminggu sekali selama dua jam selama lapan bulan.

Temu bual pula dijalankan apabila guru-penyelidik telah mengumpul maklumat dari penulisan jurnal dan perlu untuk mengesahkan apa yang dikatakan oleh pelajar serta

mendapat maklumat lanjut tentang isu yang dibangkitkan seperti 'Bolehkah anda terangkan dengan lebih lanjut kenapa anda merasa marah dan kecewa apabila saya meminta anda membuat tugas secara sendiri?' Ke kerapannya temubual tidak ditentukan terlebih dahulu, ianya dijalankan apabila timbul keperluan untuk mendapat maklumat lanjut dari pelajar.

Pemerhatian dilakukan apabila pelajar menjalankan tugas yang diberikan dan guru-penyelidik merekodkan reaksi pelajar ketika menyiapkan tugas seperti reaksi termenung, bosan, dan sebagainya. Reaksi spontan sebegini juga akan ditemubual untuk mendapat maklumbalas atas perlakuan mereka yang mungkin berkait rapat dengan tugas yang diberikan.

Keputusan dan Analisa Data

Bagi soalan kajian satu, data terkumpul dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif. Data ini didapati daripada keputusan PLSP yang merangkumi 4 gaya pembelajaran iaitu auditori, visual, taktil dan kinaestetik serta 2 gaya pembelajaran sosiologi iaitu secara individu dan berkumpulan. Soalan kajian satu: Dari segi gaya pembelajaran perseptual (visual, auditori, taktil dan kinaestetik) dan gaya sosiologi (bekerja sendiri, dan bekerja secara kumpulan), apakah keutamaan gaya pembelajaran perseptual dan gaya sosiologi major dan minor seluruh kumpulan pelajar kurang cekap?

Menjawab soalan di atas, keputusan PLSP menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar pengajian Bahasa Inggeris yang lemah dalam kajian ini mempunyai pelbagai gaya pembelajaran, dan sekurang-kurangnya kinaestetik atau taktil sebagai keutamaan gaya pembelajaran utama mereka. Mereka juga mempunyai sekurang-kurangnya auditori atau visual sebagai keutamaan gaya pembelajaran minor mereka. Kebanyakan pelajar telah memilih bekerja dalam kumpulan sebagai gaya pembelajaran sosiologi major mereka (lihat Lampiran 2).

Soalan kajian dua: Dari segi gaya pembelajaran perseptual dan sosiologi, bolehkah empat orang pelajar fokal terpilih menyesuaikan gaya mereka kepada gaya lain yang bukan gaya keutamaan mereka, iaitu gaya auditori dan visual dan bekerja sendiri setelah membuat latihan selama dua semester? (rujuk kriteria pemilihan pada populasi sampel).

Empat orang pelajar fokal dengan pelbagai kombinasi gaya pembelajaran telah dipilih berdasarkan keputusan PLSP yang dijalankan pada awal semester. Mereka terdiri daripada Indie, Ella, Hetty dan Seri (nama samaran). Markah PLSP pelajar-pelajar fokal ini dipamerkan di dalam Jadual 1.

Jadual 1: Skor PLSP Empat Pelajar Fokal

Pelajar	Gaya pembelajaran "major" dan skor PLSP	Gaya pembelajara "minor" dan skor PLSP	Gaya pembelajara "negatif" dan skor PLSP	Gaya pembelajaran sosiologi "major" dan skor PLSP	Gaya pembelajaran sosiologi "minor" dan skor PLSP	Gaya pembelajaran sosiologi "negatif" dan skor PLSP
Indie	Taktil (42) Visual (42) Kinaestetik (40) Auditori (38)			Kumpulan (48)		Individu (24)
Ella	Kinaestetik (38)	Taktil (36) Auditori (36) Visual (32)		Kumpulan (38)	Individu (34)	
Hetty	Taktil (48) Kinaestetik (46)	Auditori (34) Visual (30)		Kumpulan (40)	Individu (24)	
Seri	Auditori (42)	Taktil (36) Kinaestetik (36) Visual (28)		Kumpulan (36) Individu (26)		

Guru-penyelidik menganalisis data dengan meneliti segala maklumat yang diperolehi dari penulisan jurnal, temu bual serta pemerhatian sepanjang lapan bulan. Isu-isu yang kerap kali timbul dalam penulisan serta perbincangan dengan pelajar direkodkan dan dari situ, guru-penyelidik memperolehi tujuh tema yang boleh dibincangkan dari dapatan data selama kajian kes dijalankan.

Analisis Bandingan Empat Kes Kajian

Soalan kajian dua merupakan sebahagian besar kajian ini. Skema analisis empat orang pelajar fokus ditunjukkan menurut tujuh tema yang timbul sepanjang kajian. Tema tema yang dimaksudkan ialah masalah dalam menangani tugas visual dan auditori, cara belajar yang lazim, kebolehan atau ketidakbolehan menyesuaikan diri kepada cara visual dan auditori baru, reaksi terhadap gaya yang tidak sepadan, inisiatif menyesuaikan diri kepada gaya pembelajaran baru, gaya pengajaran yang pelbagai, dan bekerja secara berkumpulan atau sendirian.

1. Masalah dalam menangani tugas visual dan auditori

Kesemua empat buah kajian kes, Indie, Ella, Hetty dan Seri mengalami masalah apabila mereka ditugaskan mendengar petikan tanpa melihatnya dalam bentuk tulisan walaupun mereka berpendapat teknik mengajar seperti mencipta gambaran sangat menarik. Mereka tidak biasa dengan tugas sebegitu sebab mereka tidak banyak terdedah kepada teknik pengajaran auditori di sekolah. Ketidakbiasaan dengan teknik sedemikian (seperti mendengar perakam pita) mungkin merupakan salah satu sebab mengapa mereka tidak suka dan tidak boleh membuat tugas yang diberi. Mereka lebih suka diberi tugas dalam bentuk tulisan sebagai tambahan. Pada pendapat mereka, melihat lebih mustahak dari mendengar.

Indie, Ella, Hetty dan Seri mengalami masalah apabila mereka ditugaskan mendengar petikan dan membayangkan apa yang telah mereka dengar. Mereka tidak dapat menangani tugas yang memerlukan mereka bergantung hanya kepada saluran auditori atau visual. Mereka mudah terlupa apa yang telah mereka dengar. Di samping itu, oleh kerana mereka kurang mendapat pendedahan, mereka berasa sukar untuk membuat penyesuaian kepada aktiviti seperti mendengar pita. Walaupun PLSP awal Seri menunjukkan gaya pembelajarannya ialah auditori, kesimpulan yang dapat dibuat ialah Seri suka mendengar orang lain menjelaskan kepadanya tentang beberapa perkara tetapi tidak secara mendengar maklumat terkandung dalam pita. Walaupun mendengar orang lain menjelaskan kandungan adalah perkara lazim yang berlaku dalam kuliah, namun teknik mendengar pita rakaman adalah salah satu cara latihan untuk meningkatkan keupayaan pembelajaran secara auditori seperti yang disarankan oleh Kinsella. Pelajar fokus mempunyai masalah melakukan latihan auditori, mendengar pita rakaman walaupun hanya mendengar ayat pendek dan membetulkan kesilapan pada ayat yang didengar seperti:

1. Lena can't come to the phone because she washes her hair
2. siti is washing her hair everyday

Sebagai contoh, Indie menulis di dalam jurnalnya:

saya rasa susah nak mencari kesalahan dalam ayat ini melalui cara mendengar. Saya rasa lebih senang kalau ada dibagi secara tulisan. Ini kerana saya lebih memahaminya kalau saya sendiri melihat dan membaca. Kalau setakat mendengar tu, saya rasa macam susah untuk memberi perhatian. Kadang-kadang tu boleh lupa apa yang didengar. Tapi kalau secara bertulis, kita boleh rujuk dan baca balik berkali-kali

Selain dari hanya mendengar guru bercakap secara langsung dalam kelas, pelajar juga tidak biasa didedahkan aktiviti secara auditori lain seperti mendengar pita rakaman. Contoh data adalah seperti berikut :

*Guru-Penyelidik : Kalau aktiviti listen to tape, biasa buat dulu?
Ella : Memang tak biasa lah.
Guru-Penyelidik : Tak biasa ya?
Ella : Tak pernah buat.*

*Guru-Penyelidik : Sebelum tu, pernah tak cikgu-cikgu dulu kat sekolah ke... atau pun you know yang ... yang bagi cara-cara macam tu?
Seri : Ha ... tak biasa.
Guru-Penyelidik : Tak biasa?
Seri : Tak.
Guru-Penyelidik : Tak pernah buat kat sekolah?
Seri : Rasanya...tak. Tak adalah.*

2. Cara belajar yang lazim

Kesemua kajian kes mempunyai cara belajar yang serupa. Pada asasnya, mereka belajar dengan membaca, mengambil nota dan menggaris bawah atau menanda perkara perkara utama (selain merujuk pada kamus untuk definasi perkataan yang susah). Mereka telah menggunakan cara belajar begini sejak di bangku sekolah dan telah menjadi tabiat mereka. Mereka juga mengamalkan cara yang sama bagi kursus-kursus lain. Contoh data:

*Guru-Penyelidik : Bagaimana awak belajar untuk kelas bahasa Inggeris?
Ella : Baca dan buat nota.
Guru-Penyelidik : jadi, awak tulis nota?
Ella : Emm...ya
Guru-Penyelidik : Adakah ianya sama seperti awak belajar untuk mata pelajaran yang lain?
Ella : Hmmm.
Guru-Penyelidik : Sama?
Ella : Sama*

Hetty : Kalau belajar Inggeris ni, kamus ni...kena belek kamus sebab banyak perkataan tu yang tak faham... kan?

Guru-Penyelidik : Cara-cara lain... benda-benda lain tu? Cara baca, cara garisnya... semuanya sama? Macam tu jugak?

Hetty : Sama.

3. Kebolehan atau ketidakbolehan menyesuaikan diri kepada cara baru visual dan auditori

Apabila diperkenalkan kepada cara baru untuk mempertingkatkan gaya pembelajaran visual dan auditori mereka, keempat-empat pelajar fokal menunjukkan reaksi positif terhadap teknik yang diamalkan kerana mereka mendapati teknik ini berkesan. Kesemua mengatakan bantuan visual seperti melukis anak panah telah membantu mereka memahami nota kerana mereka mendapati lebih mudah memahami bahan bacaan yang dilukis anak panah berbanding yang tiada. Malahan, mereka mampu memahami maklumat diberi tanpa penjelasan. Mereka juga bermotivasi untuk mencuba membuat pemetaan dan mempelajari mengenai kala dengan menggunakan garisan waktu kerana semua ini telah terbukti membantu mereka di dalam kelas. Latih tubi dan mengajar rakan (mengajar sesama mereka) mengenai topik yang mereka mahu mengingat dan memahami juga terbukti berkesan bagi mereka. Kesemuanya memberi reaksi positif apabila diperkenalkan cara pemetaan, garisan waktu, mencipta gambaran, menampal, latih tubi dan lain lain. Mereka suka aktiviti-aktiviti ini dan mengatakan ianya berkesan apabila diamalkan. Malahan, mereka bermotivasi untuk menggunakannya kemudian. Contoh data:

Hetty menulis di dalam jurnalnya:

Hari ini saya rasa seronok untuk belajar. Bagi saya, cara sebegini dapat memudahkan saya mengingat fakta-fakta/nota-nota yang diberikan. Oleh kerana kami diminta untuk menerangkannya keada rakan-rakan, maka saya rasa ia membuatkan saya lebih memahami dan mengingat nota tersebut.

Indie juga sependapat bila dia menulis:

Saya rasa pelajaran hari ini sangat menarik kerana ia bersesuaian dengan cara saya belajar. Mulanya guru menerangkan tentang pelajaran hari ini di samping memberi nota kepada kami. Cara ini dapat memudahkan saya memahami apa yang dipelajari. Di samping itu, dengan adanya contoh-contoh yang sesuai dapat membantu saya untuk memahaminya.

Setelah cikgu menerangkan semuanya kami belajar dengan cara membentuk imej dalam minda. Semasa menutup mata kami kena membayangkan sesuatu yang berlaku dan membuat ayat daripada imej tersebut. Saya rasa cara pembelajaran ini sangat menarik dan saya rasa lebih mudah membuat ayat berdasarkan imaginasi. Ini kerana saya dapat melihat sendiri imej yang dibentuk itu alam minda dan ini memudahkan saya memahami apa yang dipelajari.

Saya rasa cara pengajaran yang digunakan oleh guru pada hari ini bersesuaian dengan cara pembelajaran saya. Ada nota, ada penerangan lengkap kemudian membuat

latihan. Saya rasa bersemangat dan suka dengan cara ini. Saya juga akan cuba untuk menggunakan cara begini iaitu menggunakan imaginasi-imaginasi dalam kaedah pembelajaran saya nanti saya rasa ia akan dapat membantu saya dalam memahami sesuatu pelajaran.

4. Reaksi terhadap gaya yang tidak sepadan/bertentangan

Indie serta pelajar fokal yang lain berasa tidak selesa dan sukar untuk mengikuti pelajaran apabila gaya pembelajarannya bertentangan dengan gaya guru. Malahan Indie tidak membuat sesuatu untuk mengatasinya. Dia mengaku cara pengajaran di UKM tidak sesuai baginya kerana dia berasa sukar untuk menangani masalah pembelajaran yang memaksanya berdikari. Dia tidak biasa dengan gaya pembelajaran begini dan mendapati amat sukar untuk mengikuti pelajaran, malahan dia mengatakan ianya telah menyebabkan dia mendapat markah rendah. Semasa di sekolah, guru memberi penjelasan penuh dan banyak membantu, tetapi di UKM dia terpaksa melakukan banyak perkara sendiri dan dia berasa sukar untuk menyesuaikan diri kepada perubahan. Oleh itu dia berpendapat guru harus mengajar mengikut cara dia belajar dan bukan dia yang mencuba menyesuaikan diri kepada gaya pembelajaran guru. Contoh data:

Guru-Penyelidik : *Cikgu tu ajar cara lain. Apa...pendapat Indie...kalau Indie terpaksa kembangkan...aaa....cara Indie belajar tu...'expand'kan.*

Indie : *Susah... sebab cara kita lain, cara guru lain...bercanggah. Susah nak tu... emm....cara cikgu tu mengajarkan...emm....sebab waktu...err...jika dibandingkan dengan belajar di sini dengan di sekolah dulu, dia beza tu lah. Err...kalau dekat sekolah dulu, lain cara mengajar. Dekat sini...lain. Tu...susah.*

Guru-Penyelidik : *Pada pendapat Ella...sepatutnya, cikgu tu kena ikut cara kita...cara kita belajar ataupun kita kena ikut cara cik gu tu mengajar. Pada pendapat Ella sendiri.*

Ella : *Kalau ikut saya...cikgu tu kena ikut cara kita.*

Guru-Penyelidik : *Kenapa?*

Ella : *Supaya... dalam dia mengajar tu kan, kita boleh faham lah. Tapi masalahnya kan setiap individu tu, dia punya cara yang lain. Dia tersendirikan? Itulah masalah dia. Tapi pendapat sayalah...kalau boleh, cikgu tu kena ajar jugak cara saya. Barulah saya faham.*

Hetty : *Cikgu tu...aaa...sepatutnya mengajar ikut cara kitalah. Sebab...aaa... Tapi kalau mengajar ikut cara kita pun... sebab dalam kelas tu ramai, kan? Mesti ...susahlah cikgu tu nak ikut cara...eh...cara Hetty, cara Seri...susah la, kan? Lain-lain.*

Cikgu tu boleh jugak guna cara dia tapi...err...mestilah ...apa ni... bersesuaian lah dengan cara kita. Err...cara...err...maksudnya, cikgu tu mesti memahami masalah yang dihadapi oleh pelajar. Barulah pelajar ni boleh mengikuti kelas cikgu tu. Haa...

Ella dan Hetty juga berasa sukar untuk menyesuaikan diri kepada cara pengajaran di universiti. Mereka tidak suka apabila guru menyuruh mereka membaca sendiri nota yang diberikan. Apabila guru tidak mengajar dengan cara pilihan mereka atau mengajar menggunakan gaya yang bertentangan, mereka mengaku berasa bosan dengan pelajaran tersebut dan berasa berputus asa. Hetty terutamanya, merasa keliru, kecewa, marah dan terganggu ditambah pula perasaan takut jika dipanggil untuk menjawab soalan. Kesemua ini mengakibatkan ketegangan dalam dirinya dan oleh itu, dia memasuki kelas dengan cemas. Contoh data:

Guru-Penyelidik : Apa pendapat Hetty bila...emm...ada guru yang mengajar, bertentangan dengan cara yang kita suka belajar? Rasa bagaimana?

Hetty : Emm...mula-mula tu susahlah nak...nak terima, kan...pembelajaran cikgu tu. Err... rasa tak faham. Lepas tu...err...kadang-kadang tu rasa emm...rasa give-up jugak... Sebab kita tak ...tak faham kan... lepas tu dia...cikgu tu tak ...tak bagi...apa ni...tak ambik perhatian tentang kita. Jadi, kita pun jadi rasa malas lah nak belajar jugak. ...err...cara cikgu tu ajar...aaa...susahlah sikit nak terima.

Guru-Penyelidik : Susah nak terima... bila susah nak terima, apa perasaan kita dalam kelas tu?

Hetty : Emm...keliru, lepas tu...err...kecewa pun ada...emm...marah pun ada...emm...marah pun ada, sedih pun ada. Aaa...lepas tu...err...rasa takut pun ada, nanti dia soal soalan...

Ella : Rasa boring tu...ada jugaklah tapi tak lah ketara sangat kan? Waktu dia ajar tu, kita dengar jugak. Tapi mungkin ...apa tu...apa yang disampaikan pun...disampaikan mungkin tak ...apa tu...berkesan sangat dalam saya. Sebab tu kan, cara dia tu, mungkin...tulah...tak saya minat.

Mereka berdua juga merasakan guru harus mengajar menurut cara mereka dan bukan menurut gaya pengajaran guru kerana mereka hanya faham apabila diajar menurut cara mereka yang lebih kepada cara “spoon feeding” seperti di sekolah.

Seri juga mendapati sukar menyesuaikan diri kepada strategi visual tertentu seperti mencipta gambaran kerana tidak pernah melakukan aktiviti tersebut. Kurangnya

pendedahan dan latihan bolehlah dikategorikan sebagai faktor yang mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar. Contoh data:

Guru-Penyelidik : *Apa perasaan Seribila ... kalau ada cikgu yang mengajar cara yang bertentangan daripada cara yang Seribelajar? Cara yang Serisuka belajar?*
Seri : *Rasanya macam tertekan lah. Hmm ... macam susahlah nak ... nak belajar ... nak faham pun.*

5. Reaksi terhadap gaya multideria

Keempat orang pelajar terlibat memerlukan pembelajaran dan pengajaran jenis multideria kerana mereka tidak kuat dalam satu gaya pembelajaran sahaja. Mereka merasa kecewa sekiranya guru membetulkan kerja mereka secara lisan atau visual sahaja. Mereka memerlukan kedua-dua gaya supaya mereka dapat mendengar penjelasan dan boleh merujuk pada pembetulan di atas kertas. Mereka merasakan pelajaran yang menggunakan gaya multideria sangat sesuai dan suka dengan cara pembelajaran yang sedemikian. Perasaan pusa hati yang terbayang pada wajah masing-masing menggambarkan kepuasan dengan teknik pengajaran sedemikian. Contoh data:

Indie menyatakan:

Saya rasa pelajaran hari ini sangat menarik kerana ia bersesuaian dengan cara saya belajar. Mulanya guru menerangkan tentang pelajaran hari ini di samping memberi nota kepada kami. Cara ini dapat memudahkan saya memahami apa yang dipelajari. Di samping itu, dengan adanya contoh-contoh yang sesuai dapat membantu saya untuk memahaminya.

Setelah cikgu menerangkan semuanya kami belajar dengan cara membentuk imej dalam minda. Semasa menutup mata, kami kena membayangkan sesuatu yang berlaku dan membuat ayat daripada imej tersebut. Saya rasa cara pembelajaran ini sangat menarik dan saya rasa lebih mudah membuat ayat berdasarkan imaginasi. Ini kerana saya dapat melihat sendiri imej yang dibentuk itu alam minda dan ini memudahkan saya memahami apa yang dipelajari.

Saya rasa cara pengajaran yang digunakan oleh guru pada hari ini bersesuaian dengan cara pembelajaran saya. Ada nota, ada penerangan lengkap kemudian membuat latihan. Saya rasa bersemangat dan suka dengan cara ini. Saya juga akan cuba untuk menggunakan cara begini iaitu menggunakan imaginasi-imaginasi dalam kaedah pembelajaran saya nanti saya rasa ia akan dapat membantu saya dalam memahami sesuatu pelajaran.

6. Inisiatif untuk menyesuaikan diri kepada gaya pembelajaran baru

Seperti yang sebutkan terdahulu, keempat pelajar mengatakan teknik pengajaran auditori dan visual yang dibuat dalam kelas amat berkesan dan mereka mengatakan mereka akan menggunakannya semasa mereka belajar. Walau bagaimanapun kajian mendapati mereka

sebenarnya tidak mengambil inisiatif untuk menggunakan teknik tersebut seperti yang mereka katakan. Malahan, mereka kembali menggunakan teknik pembelajaran yang mereka biasa gunakan.

Setelah lapan bulan mencuba beberapa strategi visual dan auditori yang disarankan oleh Kinsella oleh guru-penyelidik seminggu sekali untuk mempertingkatkan pembelajaran mereka supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan baik kepada mana-mana keadaan pembelajaran, Indie dan Hetty mengaku ada strategi yang berkesan bagi mereka tetapi tidak mengambil inisiatif melakukan atau melatih menggunakannya. Malahan mereka kembali menggunakan gaya pembelajaran asal mereka kerana sebelum kajian ini, mereka tidak terdedah kepada kaedah tersebut dan oleh itu tidak biasa dengannya.

PLSP awal Indie menunjukkan dia mempunyai kesemua gaya pembelajaran sebagai gaya pembelajaran major kecuali bekerja berseorangan sebagai gaya negatif. PLSP akhirnya menunjukkan dia masih mempunyai auditori sebagai gaya pembelajaran major. Namun, selepas lapan bulan gaya pembelajaran majornya bagi visual telah menurun. Ini mungkin disebabkan oleh masalah dilaluinya untuk memahami nota ditulis dalam bahasa Inggeris secara visual apabila terpaksa membaca dan memahaminya dengan sendiri.

Ella mendapati mudah untuk memahami dan menganalisis ayat-ayat yang mengandungi alat bantuan visual seperti garisan waktu dalam memahami konsep masa dengan terperinci. Namun, dia juga mengalami kesukaran apabila diminta berbuat sesuatu yang serupa dengan sendiri disebabkan dia tidak biasa berbuat demikian. Kerana itu, tidak langsung terlintas di fikirannya untuk menggunakan kaedah tersebut. Contoh data:

Saya tidak menggunakan cara begini kerana saya memang tak biasa guna cara ini. Sebab saya tak berapa faham guna cara imagine dan melukis timeline. Saya tak suka menggambarkan sesuatu dan saya rasa lebih faham kalau benda tu ada di depan mata saya. Saya lebih suka menyalin nota dan memahaminya sebab saya dah biasa dengan cara itu. Saya rasa lebih mudah mengingatnya tapi kalau guna cara imagine tu, susah sikit sebab apa yang digambarkan tu boleh hilang serta-merta ataupun tak kekal.

Walau bagaimanapun, dia telah berjaya menyesuaikan diri kepada beberapa teknik lain untuk mempertingkatkan gaya visual dan auditori iaitu menggunakan bantuan visual ketika membaca seperti membuat bulatan, melukis anak panah untuk menunjukkan hubung kait, latih tubi dan menampal nota penting di beberapa tempat. Walaupun dia masih menggunakan gaya pembelajaran lamanya tetapi dia dapat menggabungkan beberapa cara baru ke dalam cara pembelajarannya yang lama. PLSP awalnya menunjukkan dia mempunyai gaya pembelajaran minor bagi cara pembelajaran visual dan auditori. Walau bagaimanapun, setelah menjalani latihan selama lapan bulan terdapat anjakan positif pada PLSP akhirnya di mana gaya pembelajaran visual dan auditori bertukar menjadi gaya pembelajaran major.

Hetty pula tidak mengambil inisiatif untuk menyesuaikan diri atau mencuba strategi pembelajaran visual dan auditori dengan sendiri tanpa disuruh. Adakalanya dia dapat membuat tugas visual, memahami nota yang diberi kepadanya melalui bantuan visual

yang disediakan di dalam nota misalnya anak panah dan huruf tebal untuk menunjukkan hubung kait. Namun, dia tidak mengambil inisiatif untuk mencontohi dengan sendiri apa yang dilakukan. Menurutnya dia berasa malas. Gaya pembelajaran Hetty tidak berubah sepanjang latihan selama lapan bulan.

Seperti rakannya yang lain, tidak terlintas di fikiran Seri untuk menggunakan sendiri bantuan visual kerana tidak biasa melakukannya. Oleh itu, dia tidak menggunakan bantuan visual seperti pemetaan atau mencipta bayangan seperti yang dia kata lakukan. Sebaliknya dia hanya menulis perkara penting. Contoh data:

Seri menulis:

Saya rasa saya tidak menggunakan imaginasi pada peringkat pertama kerana saya tidak terfikir pun untuk menggunakannya. Lagipun saya juga jarang menggunakan kaedah itu. Walau bagaimanapun saya amat meminati cara pembelajaran sedemikian rupa. Kerana bagi saya ia mudah untuk saya memahami sesuatu perkara tersebut. Pada pendapat pertama yang terlintas di fikiran, saya hanya menyalin nota penting yang diberikan oleh cikgu. Ini adalah kerana saya memang sudah biasa menyalin nota penting walau bagaimanapun pembelajaran bermula. Namun, apa yang diajar oleh cikgu itu sangat penting dan ia baik untuk mengingatkan apa yang diajar.

Walaupun bagaimanapun, setelah mencuba beberapa cara untuk membantu pembelajaran visual di kelas dengan berkesan, dia terus menggunakannya dalam pembelajaran misalnya menggunakan anak panah untuk menunjukkan hubung kait, latihan tubi dan pemetaan. Pada mulanya PLSPnya menunjukkan dia mempunyai auditori sebagai satu satunya gaya pembelajaran majornya dan visual, taktil dan kinestetik sebagai keutamaan gaya pembelajaran minor. PLSP akhirnya, walaupun bagaimanapun, menunjukkan dia masih mengekalkan auditori sebagai gaya pembelajaran major, sementara gaya minornya juga telah menganjak kepada gaya pembelajaran major.

7. Bekerja berkumpulan atau bersendirian

Sepanjang kajian, pelajar terlibat dilatih bekerja sendiri dan kadang kala berkumpulan untuk melihat sama ada mereka boleh menyesuaikan diri dengan kerja sendiri dan untuk melihat reaksi mereka apabila mereka diarah bekerja dengan cara yang mereka tidak suka. Ini adalah kerana pelajar di universiti perlu banyak melakukan tugas sendiri dan juga diandaikan mereka sudah biasa dengan kerja kumpulan semasa di bangku sekolah.

Indie lebih suka bekerja sendiri apabila dirasakan tugas yang diberikan mudah kerana ini dapat meningkatkan keyakinannya untuk membuat sesuatu tanpa bantuan orang lain. Namun, dia lebih suka membuat tugas berkumpulan terutama apabila ianya sukar ditangani sendiri. PLSP awalnya menunjukkan bekerja berkumpulan sebagai gaya pembelajaran major sementara bekerja sendiri sebagai negatif. Walau bagaimanapun PLSP akhirnya menunjukkan dia masih memilih bekerja berkumpulan sebagai pilihan major sementara terdapat anjakan bagi bekerja sendiri daripada gaya negatif kepada

keutamaan pembelajaran minor. Penting untuk dicatat bahawa anjakan itu hanya melibatkan dua mata (24 kepada 26).

Ella juga lebih suka bekerja sendirian melainkan jika tugas itu memerlukan perbincangan dan memerlukan pendapat orang lain. Walau bagaimanapun dia telah berjaya menyesuaikan diri untuk bekerja sendirian. PLSP awalnya menunjukkan pilihan utamanya ialah bekerja dalam kumpulan. Dia masih mengekalkannya sebagai gaya utama di dalam PLSP akhirnya walaupun terdapat penurunan sebanyak sepuluh mata (48 kepada 38) dalam nilai jumlah. Walau bagaimanapun, terdapat anjakan pada bekerja sendirian, di mana ianya menganjak daripada minor kepada major pada PLSP akhirnya (34 kepada 40).

Hetty pula lebih suka bekerja berkumpulan berbanding bekerja sendirian kerana dia kurang keyakinan diri dan berasa tidak selesa membuat tugas sendirian. Tidak ada perubahan pada PLSP awal dan akhir dari segi keutamaan gaya pembelajaran. Keutamaan gaya pembelajaran awal Seri berdasarkan PLSP awalnya menunjukkan kedua-dua bekerja berkumpulan dan sendirian sebagai gaya pembelajaran minornya. Setelah menjalani latihan bekerja sendirian, PLSP akhirnya menunjukkan keutamaannya untuk pembelajaran berkumpulan tidak berubah (minor) sementara bekerja sendirian beranjak daripada minor kepada gaya pembelajaran major pada akhir kajian

PLSP Awal dan Akhir: Indie

	Visual	Auditori	Taktil	Kinaestetik	Kumpulan	Individu
PLSP awal	Major (42)	Major (38)	Major (42)	Major (40)	Major (44)	Negatif (24)
PLSP akhir	Minor (34)	Major (44)	Minor (36)	Major (40)	Major (46)	Minor (26)

PLSP Awal dan Akhir: Ella

	Visual	Auditori	Taktil	Kinaestetik	Kumpulan	Individu
PLSP awal	Minor (32)	Minor (36)	Minor (36)	Major (38)	Major (48)	Minor (34)
PLSP akhir	Major (40)	Major (42)	Major (38)	Major (40)	Major (38)	Major (40)

PLSP Awal dan Akhir: Hetty

	Visual	Auditori	Taktil	Kinaestetik	Kumpulan	Individu
PLSP awal	Minor (30)	Minor (34)	Major (48)	Major (46)	Major (40)	Negatif (24)
PLSP akhir	Minor (36)	Minor (36)	Major (42)	Major (40)	Major (38)	Negatif (20)

PLSP Awal dan Akhir: Seri

	Visual	Auditori	Taktil	Kinaestetik	Kumpulan	Individu
PLSP awal	Minor (28)	Major (42)	Minor (36)	Minor (36)	Minor (36)	Minor (26)
PLSP akhir	Major (38)	Major (38)	Major (40)	Major (42)	Minor (36)	Minor (34)

Perbincangan Dan Interpretasi Dapatan Bagi Soalan Kajian Satu

Dapatan PLSP awal seluruh kumpulan pelajar menunjukkan kebanyakan mereka mempunyai sekurang-kurangnya kineestetik atau taktil atau kedua duanya sebagai pembelajaran utama. Dapatan ini selari dengan kajian lain yang dibuat di Amerika Syarikat.

Cortazzi dan Jin (1996) menyatakan kanak-kanak disosialisasikan ke dalam budaya pendidikan semasa mereka di alam pra-sekolah terutama sekali semasa mereka di tadika atau permulaan sekolah rendah. Mereka menyatakan keadaan ini berlanjutan apabila mereka di sekolah menengah dan universiti kerana pengaruh awal begini telah berakar umbi dan meninggalkan kesan mendalam pada fikiran pelajar-pelajar ini. Justeru, budaya pembelajaran begini mungkin mempengaruhi matlamat dan strategi mereka dan mungkin juga pengalaman persekolahan terdahulu mempengaruhi gaya pembelajaran seseorang.

Aktiviti taktil dan kinaestetik lebih banyak dilakukan di tadika dan sekolah rendah di Malaysia dan kebanyakan murid pastinya akan melakukan aktiviti menulis dan gunting-dan-tampal. Aktiviti sebegini menambahkan lagi gaya taktil. Di sekolah menengah pula pelajar berpeluang menghadiri kelas sains dan sebagainya di mana mereka didedahkan kepada pelbagai ujikaji di mana penglibatan mereka adalah secara terus. Mereka terlibat dengan banyak aktiviti pengajaran secara berkumpulan dan aktiviti yang berorientasikan gerakan. Ini termasuk membuat projek kelas sains, sejarah dan kemahiran hidup yang memerlukan mereka aktif secara taktil dan kinaestetik. Justeru, latar belakang dan tuntutan sukatan pelajaran dan sistem sekolah mungkin menjadi punca mengapa pelajar-pelajar Malaysia dalam kajian ini lebih bersifat taktil dan kinaestetik.

Repertoir fungsi Bahasa Inggeris seperti memberi pendapat, menentang pendapat, mencelah, atau meminta penjelasan amat terhad di kalangan pelajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing termasuk pelajar Malaysia yang belajar di luar negara. Ini menyebabkan mereka kurang mampu untuk menyempurnakan matlamat komunikasi mereka dan menyumbang secara dinamik kepada proses kumpulan. Lantas mereka lebih suka belajar bersendirian seperti yang ditunjukkan oleh kajian Reid (1998). Sebaliknya, kesemua pelajar dalam kajian ini (di UKM) berasa selesa belajar di negara sendiri, diajar oleh guru yang mempunyai latar belakang budaya serupa. Oleh itu, mereka lebih suka membuat tugas secara berkumpulan, terutama sekali apabila mereka kurang berkeyakinan pada diri sendiri atau apabila mereka mendapati sukar untuk menyempurnakan sesuatu tugas.

Perbincangan dan Interpretasi Dapatan bagi Soalan Kajian Dua

Dapatan kajian kes empat orang individu menunjukkan mereka mengalami masalah serupa apabila menangani tugas di mana mereka perlu bergantung hanya kepada gaya visual atau auditori. Shaughnessy (1998) menyatakan bahawa pencapaian bawah biasanya mempunyai ingatan auditori yang lemah. Sekiranya mereka belajar secara visual pun biasanya melalui gambar, lukisan, simbol, komik dan kartun dan bukan melalui teks, dan walau bagaimana kuat azam mereka untuk berjaya di dalam dunia akademik, ketidak-

boleh mereka untuk belajar melalui kuliah, perbincangan atau bacaan merupakan penyebab prestasi buruk mereka di sekolah tradisional.

Pelajar tidak biasa dengan teknik pengajaran visual dan auditori seperti mendengar pita disebabkan mereka kurang diberi latihan atau pendedahan dan ini menyebabkan mereka sukar menyesuaikan diri atau mengadaptasikan gaya tersebut. Dalam sistem sekolah Malaysia, pita rakaman sebagai sebahagian daripada pengajaran auditori di mana pelajar dikehendaki mendengar ayat dan mengenalpasti kesilapan jarang sekali digunakan. Disebabkan mereka tidak biasa dengan teknik pengajaran begini maka mereka tidak dapat memperolehi prestasi baik dalam tugas yang diberi dan mungkin juga menyebabkan mereka tidak suka mencuba membuat aktiviti berkenaan.

Pelajar juga merasa bosan, tidak selesa, keliru, kecewa, terganggu, dan marah dengan pelajaran dan cepat putus asa bila diberi pengajaran dengan gaya yang tidak sepadan dengan gaya mereka. Mengikut Felder dan Henriques (seperti yang disebut oleh Reid, 1995), ini biasa terjadi apabila konflik gaya pembelajaran berlaku. Ketegangan dan kerisauan seperti ini boleh menjejaskan pembelajaran pelajar dan menghalang pembelajaran seperti yang berlaku pada pelajar kajian kes ini. Bagi dapatan yang menunjukkan pelajar tidak mencuba cara pembelajaran baru yang diamalkan di kelas (setelah bersemangat ingin mencubanya apabila mereka dapati ianya berkesan), kesemua mereka tidak terlantas untuk menggunakan cara baru pembelajaran tersebut kerana mereka tidak biasa menggunakannya dan kerana itu mereka kembali menggunakan cara pembelajaran biasa mereka.

Tyacke (1998) menyatakan adalah tidak mudah bagi pelajar dewasa untuk mengubah pendekatan pembelajaran keseluruhan mereka. Malahan, katanya terdapat bukti anekdot yang menunjukkan mereka enggan berubah dan mempertahankan gaya dan strategi mereka sendiri. Oleh itu, katanya mungkin gaya penyesuaian ini sesuatu yang terbina dan oleh itu sukar dipelajari. Ini dapat menjelaskan mengapa Hetty dan juga rakan-rakan yang lain sentiasa kembali kepada cara pembelajaran lama mereka di samping menambah beberapa cara baru. Kinsella (1995) juga menyatakan seseorang individu memilih pendekatan pembelajaran tertentu hanya kerana mereka paling biasa dengan pendekatan itu. Mereka juga mungkin kembali menggunakan cara biasa mereka walaupun setelah diperkenalkan cara tertentu yang lebih berkesan buat mereka.

Pada amnya, kesemua pelajar telah menggunakan cara pembelajaran yang hampir sama yang pada dasarnya melibatkan membaca, menggaris bawah dan menulis nota. Cara ini mungkin disebabkan oleh latar belakang budaya di mana mereka telah dididik dalam satu sistem tradisional dan berhierarki. Menurut Kinsella (1995), pelajar begini biasanya menganggap guru sebagai pakar subjek berkenaan yang tidak boleh dipersoalkan dan pelajar ini memainkan peranan penerima dan hanya mengambil nota verbatim. Keadaan ini disebabkan oleh sistem pendidikan di Malaysia yang lebih berorientasikan peperiksaan di mana pelajar dikehendaki mengingat fakta penting yang dimuat dalam sukatan pelajaran sekolah. Mereka akan membaca teks dan menggaris bawah perkara penting, kemudian membaca semula atau menulis semula nota yang sama untuk menghafal perkara penting supaya mereka boleh mengeluarkannya semula di dalam

peperiksaan apa yang telah dibaca. Ini mungkin menyebabkan mereka lebih bersifat taktil dan kinaestetik oleh kerana mengambil nota merupakan aktiviti taktil

Dapatan menyatakan pelajar memberi reaksi positif terhadap gaya pengajaran multideria. Reiff (1995) mengatakan kepustakaan menyokong penggunaan berbagai strategi pengajaran dan menggunakan pelbagai pendekatan demi memenuhi kesemua kekuatan gaya pembelajaran. Dapatan juga mengatakan bahawa dari segi sosiologi bekerja, kebanyakan pelajar lebih gemar bekerja secara berkumpulan terutama sekali apabila tugas itu sukar. Menurut Torkelson (1992), limitasi bahasa atau kesilapan sebenarnya boleh mengganggu keyakinan diri pelajar dan komunikasi bilik kuliah. Pelajar suka bekerja secara berkumpulan kerana kumpulan kecil boleh memberi peluang kepada pelajar yang kurang cekap untuk berada dalam zon selesa mereka (Stebbins, 1995).

Kesimpulan

Seperti yang dinyatakan oleh Kinsella dan Sherak (1998), gaya pembelajaran dan gaya bekerja seseorang bukanlah semula jadi atau tidak boleh diubah, tetapi sebaliknya ianya berakar umbi terhasil dari peranan dan norma bilik darjah konvensional yang bertahun-tahun. Mereka menyatakan kita hanya boleh menyediakan strategi dan menggalak mereka mencuba dan memilih apa yang paling berkesan bagi mereka. Pada lahirnya, walaupun mereka semua mendapati strategi auditori dan visual yang diperkenalkan dan diamalkan di dalam kelas berkesan bagi mereka dan membantu dalam pembelajaran mereka, ini tidak bermakna mereka akan menggunakannya kelak. Vann (1998) menyokong pemerhatian ini dengan mengatakan kita perlu memberi pilihan dari segi strategi dan menghormati hak pelajar untuk melawan perubahan. Katanya lagi kita boleh menggalak mereka tetapi jangan sekali memaksa mereka menggunakan apa yang kita perkenalkan kepada mereka. Seperti yang ditegaskan oleh Claxton dan Murrell (1987), ciri personaliti dan kekuatan untuk memproses maklumat dikatakan sebagai komponen gaya pembelajaran seseorang yang paling stabil dan ianya juga adalah yang paling sedikit berkemungkinan untuk merubah walaupun guru cuba mempengaruhi. Kerana itulah dapatan kajian ini mendapati amat sukar bagi pelajar untuk membuat perubahan dalam gaya pembelajaran mereka.

Rujukan

- Claxton, C. S., & Murrell, P. H. (1987). *Learning styles: Implications for improving educational practices. AAHE-ERIC Higher Education Report No.4*, Washington, DC: Association for the Study of Higher Education.
- Cortazzi, M., & Jin, L. (1996). *Cultures of learning: Language classroom in China*. Dlm. H. Coleman (Ed.), *Society and the language classroom* (hlm. 69-206). Cambridge: Cambridge University Press.
- DiVesta, F. J., Ingersol, G., & Sunshine, P. (1971). A factor analysis of imagery tests. *Journal of Verbal Learning and Verbal Behaviour*, 10, 471-479.

- Dunn, R. S., Dunn, K. J., & Price, G. E. (1979). Identifying individual learning styles. Dlm. Keefe J.W. (Ed). *Student learning style: Diagnosing and prescribing programs*. hlm. 39-54. Reston, VA: National Association of Secondary School Principals.
- Guildford, J. P. (1984). Cognitive styles: What are they? *Educational and Psychological Measurement*, 40, 715-735.
- Heikinheimo, P. S., & Shute, J. C. M. (1986). The adaptation of foreign students: Student views and institutional implications. *Journal of College Student Personnel*, 27,399-406.
- Hodges, H. (1982). Madison prep-alternatives through learning styles. Dlm. J.W. Keefe (Ed.), *Student learning styles and brain behaviour: Programs, instrumentation, research*, hlm. 28-32. Reston, VA: National Association of Secondary School Principals.
- Horwood, S. E. (1991). The relationship between learning style and academic achievement of international college students (Doctoral Dissertation, Southern Illinois University- Carbondale). *Dissertation Abstracts International*, 53, 02-A.
- Kinsella, K. (1993). Perceptual learning strengths. Dlm. J.M. Reid (Ed.), *Learning styles in the ESL/EFL classroom*. hlm. 225-232. Boston: Heinle & Heinle.
- Kinsella, K. (1995). Understanding and empowering diverse learners in the ESL classroom. Dlm. J. M. Reid (Ed.), *Learning styles in ESL/EFL classroom*, hlm. 170-194. Boston: Heinle & Heinle.
- Kinsella, K., & Sherak, K. (1998). Designing ESL classroom collaboration to accommodate diverse work styles. Dlm. J.M Reid (Ed.), *Understanding learning styles in the second language classroom*, hlm. 85-100. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Kirby, J., Moore, P., & Schofield, N. (1988). Verbal and visual learning styles. *Contemporary Educational Psychology* 13, 169-84.
- O'Brien, L. (1989). Learning styles: Make the student aware. *National Association of School Principals' Bulletin*, 73, 85-89.
- Reid, J. (Ed). (1995). *Learning styles in the ESL/EFL classroom*. Boston: Heinle & Heinle.
- Reid, J. (Ed). (1998). *Understanding Learning styles in the second language classroom*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Reiff, J. C. (1995). *Learning styles*. Washington, DC: National Education Association.

- Saracho, O. N. (1984). *Cognitive style and children's learning: Individual variation in cognitive process*. Washington DC: National Institute of Education.
- Shaughnessy, M. F. (1998, Jan/Feb). An interview with Rita Dunn about learning styles. *Clearing House*, 71 (3),141-145.
- Stebbins. C. (1995). Culture-specific perceptual learning style preferences of post secondary students of English as a second language. Dlm. J.M. Reid (Ed.), *Learning styles in the ESL/EFL classroom*, hlm.109-117. Boston: Heinle & Heinle.
- Torkelson, K. (1995). Learning styles and ITA training. Dlm. J.M Reid (Ed.), *Learning styles in the ESL/EFL classroom*, hlm 134-148. Boston: Heinle & Heinle.
- Tyacke, M. (1998). Learning style diversity and the reading class: Curriculum design and assessment. Dlm. J.M. Reid (Ed.), *Understanding learning styles in the second language classroom*, hlm. 34-46. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Vann, R. (1998). Transforming text through graphic responses. Dlm. J.M Reid (Ed.), *Understanding learning styles in the second language classroom*, hlm. 116-124. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Vann, R., & Abraham, R. (1990). Strategies of unsuccessful language learners. *TESOL Quarterly* 24, 177-192.

LAMPIRAN 1

Perceptual learning style preference questionnaire (PLSP). Joy Reid (1984, cited in Reid, 1995)

Directions:

People learn in many different ways. For example, some people learn primarily with their eyes (visual learners) or with their ears (auditory learners); some people prefer to learn by experience and / or by “hands-on” tasks (kinaesthetic or tactile learners); some people learn better when they work alone while others prefer to learn in groups.

This questionnaire has been designed to help you identify the way(s) you learn best – the way(s) you prefer to learn.

Read each statement on the following pages. Please respond to the statements **AS THEY APPLY TO YOUR STUDY OF ENGLISH.**

Decide whether you agree or disagree with each statement. For example, if you strongly agree, mark:

STRONGLY AGREE	X
AGREE	
UNDECIDED	
DISAGREE	
STRONGLY DISAGREE	

Please respond to each statement quickly, without too much thought. Try not to change your responses after you choose them. Please answer all the questions. Please use a pen to mark you choices.

(bersambung di muka sebelah)

Lampiran 1 (sambungan)

PERCEPTUAL LEARNING STYLE PREFERENCE QUESTIONNAIRE

SA STRONGLY AGREE	A AGREE	U UNDECIDED	D DISAGREE	SD STRONGLY DISAGREE
----------------------------------	--------------------	------------------------	-----------------------	-------------------------------------

		S A	A	U	D	S D
1.	When the teacher tells me the instructions I understand better.					
2.	I prefer to learn by doing something in class.					
3.	I get more work done when I work with others.					
4.	I learn more when I study with a group.					
5.	I class, I learn best when I work with others.					
6.	I learn better by reading what the teacher writes on the chalkboard.					
7.	When someone tells me how to do something in class, I learn it better.					
8.	When I do things in class, I learn better.					
9.	I remember things I have heard in class better than things I have read.					
10.	When I read instructions, I remember them better.					
11.	I learn more when I can make a model of something.					
12.	I understand better when I read instructions.					
13.	When I study alone, I remember things better.					
14.	I learn more when I make something for a class project.					
15.	I enjoy learning in class by doing experiments.					
16.	I learn better when I make drawings as I study.					

(bersambung di muka sebelah)

Lampiran 1 (sambungan)

		S A	A	U	D	S D
17.	I learn better in class when the teacher gives a lecture.					
18.	When I work alone, I learn better.					
19.	I understand things better in class when I participate in role-playing.					
20.	I learn better in class when I listen to someone.					
21.	I enjoy working on an assignment with two or three classmates.					
22.	When I build something, I remember what I have learned better.					
23.	I prefer to study with others.					
24.	I learn better by reading then by listening to someone.					
25.	I enjoy making something for a class project.					
26.	I learn best in class when I can participate in related activities.					
27.	In class, I work better when I work alone.					
28.	I prefer working on projects by myself.					
29.	I learn more by reading textbooks than by listening to lectures.					
30.	I prefer to work by myself					

SELF-SCORING SHEET

INTRUCTIONS

There are 5 questions for each learning category in this questionnaire. The questions are grouped below according to each learning style. Each question you answer has a numerical value:

S	A	U	D	S
A				D
5	4	3	2	1

(bersambung di muka sebelah)

Lampiran 1 (sambungan)

Fill in the blanks below with the numerical value of each answer. For example if answered Strongly Agree (SA) for question 6 (a visual question), write a number 5 (SA) on the blank next to question 6 below.

Visual 6 - 5

When you have completed all the numerical values for Visual, add the numbers. Multiply the answer by 2 and put the total in the appropriate blank.

Follow this process for each of the learning style categories. When you are finished, look at the scale at the bottom of the page; it will help you determine your major learning style preference(s), your minor learning style preference(s), and those learning style(s) that are negligible.

If you need help, please ask you teacher.

VISUAL

6 - _____
10 - _____
12 - _____
24 - _____
29 - _____
Total _____ x 2 = _____ (score)

TACTILE

11 - _____
14 - _____
16 - _____
22 - _____
25 - _____
Total _____ x 2 = _____ (score)

AUDITORY

1 - _____
7 - _____
9 - _____
17 - _____
20 - _____
Total _____ x 2 = _____ (score)

GROUP

3 - _____
4 - _____
5 - _____
21 - _____
23 - _____
Total _____ x 2 = _____ (score)

(bersambung di muka sebelah)

Lampiran 1 (bersambung)

KINESTHETIC

2 - _____
8 - _____
15 - _____
19 - _____
26 - _____
Total _____ x 2 = _____ (score)

INDIVIDUAL

13 - _____
18 - _____
27 - _____
28 - _____
30 - _____
Total _____ x 2 = _____ (score)

Major Learning Style Preference 38-50
Minor Learning Style Preference 25-37
Negligible 0-24

Nota: “negligible” dianggap sebagai gaya “negatif” dalam kajian ini.

* diguna dengan kebenaran dari Joy Reid. Department of English, University of Wyoming, Laramie WY 82070.

LAMPIRAN 2

Gaya pembelajaran pelajar B.A ELS

Pelajar	Gaya pembelajaran “major” dan skor PLSP		Gaya pembelajaran “minor” dan skor PLSP		Gaya “negatif” dan skor PLSP
1. Shidi	Kinaestetik	(38)	Taktil	(36)	
			Auditori	(36)	
			Visual	(30)	
2. Hetty	Taktil	(48)	Auditori	(34)	
	Kinaestetik	(46)	Visual	(30)	
3. Jane	Taktil	(48)	Auditori	(34)	
	Kinaestetik	(46)	Visual	(30)	
4. Siti Rose	Kinaestetik	(48)	Visual	(34)	
	Auditori	(44)			
	Taktil	(42)			
5. Low Hui	Kinaestetik	(44)	Visual	(26)	
	Auditori	(42)			
	Taktil	(38)			
6. Jasiah	Auditori	(42)	Kinaestetik	(36)	
	Visual	(38)	Taktil	(34)	
7. Masrurul	Kinaestetik	(40)			Visual (24)
	Taktil	(40)			
	Auditori	(40)			

Lampiran 2 (sambungan)

Pelajar	Gaya pembelajaran “major” dan skor PLSP		Gaya pembelajaran “minor” dan skor PLSP		Gaya “negatif” dan skor PLSP
8. Sai Chin	Auditori	(46)			
	Kinaestetik	(44)			
	Visual	(42)			
	Taktil	(38)			
9. Indie	Taktil	(42)			
	Visual	(42)			
	Kinaestetik	(40)			
	Auditori	(38)			
10. Ooi Cheng	Kinaestetik	(50)			
	Auditori	(50)			
	Visual	(44)			
	Taktil	(38)			
11. Suryani			Taktil	(34)	
			Auditori	(32)	
			Kinaestetik	(30)	
			Visual	(26)	
12. Seri	Auditori	(42)	Taktil	(36)	
			Kinaestetik	(36)	
			Visual	(28)	
13. Nor Zulia	Taktil	(40)	Kinaestetik	(34)	
	Visual	(40)	Auditori	(32)	

(bersambung di muka sebelah)

Lampiran 2 (sambungan)

Pelajar	Gaya pembelajaran “major” dan skor PLSP		Gaya pembelajaran “minor” dan skor PLSP		Gaya “negatif” dan skor PLSP
14. Ella	Kinaestetik	(38)	Taktil	(36)	
			Auditori	(36)	
			Visual	(32)	
15. Mastura	Kinaestetik	(40)	Taktil		
	Visual	(40)		(36)	
	Auditori	(38)			
16. Haslizah	Kinaestetik	(40)	Taktil	(34)	
	Visual	(40)	Auditori	(30)	

Lampiran 2 (sambungan)

Gaya pembelajaran sosiologi pelajar BA ELS

pelajar	Gaya pembelajaran “major” dan skor PLSP		Gaya pembelajaran “minor” dan skor PLSP		Gaya “negatif” dan skor PLSP
1. Shidi			kumpulan	(36)	
			Individu	(28)	
2. Hetty	Kumpulan	(40)	Individu	(24)	
3. Jane	Kumpulan	(42)	Individu	(24)	
4. Siti Rose			kumpulan	(36)	
			Individu	(34)	
5. Low Hui	Kumpulan	(38)	Individu	(32)	
6. Jasiah	Kumpulan	(40)	Individu	(28)	
7. Masrurul	Kumpulan	(38)	Individu	(32)	
8. Sai Chin	Kumpulan	(48)	Individu	(32)	
9. Indie	Kumpulan	(44)			Individu (24)
10. Ooi Cheng	Kumpulan	(42)			
	Individu	(42)			
11. Suryani	Kumpulan	(48)			Individu (14)
12. Seri			Kumpulan	(36)	
			Individu	(26)	

13. Nor Zulia	Individu	(40)		
	Kumpulan	(26)		
14. Ella	Kumpulan	(38)	Individu	(34)
15. Mastura	Individu	(40)	Kumpulan	(34)
16. Haslizah	Kumpulan	(42)	Individu	(36)

Biodata

Dr. Rosniah Mustaffa ialah seorang pensyarah kanan di Pusat pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Bidang kepakaran beliau ialah Pengajaran Bahasa Inggeris. Buku tulisan beliau termasuk *YES to English, Grammar: The Key to English, Happy English 1, Happy English 2, Kesilapan Tatabahasa Inggeris and Tatabahasa Inggeris* (kedua-duanya penulis bersama Noorizah Mohd.Noor).